



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA

**KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN

KARNIVAL TVET ADTEC JTM KAMPUS LABUAN 2025

**DEWAN KULIAH UTAMA
ADTEC JTM KAMPUS
LABUAN**

4 OKTOBER 2025 (SABTU)

SALUTASI

Terima kasih kepada saudara dan saudari pengacara majlis.

Yang Berusaha Encik Simsudin bin Sidek

Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan

Yang Berusaha Ts. Abd Halim bin Ali Mohammed

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia

Yang Berusaha Encik Imalistryahusnanjaya bin Mat Hussin,

Pengarah

ADTEC JTM Kampus Labuan

Yang Berusaha Ts. Syahrull Nizam bin Hj. Perdan

Pengarah ADTEC JTM Kampus Bintulu merangkap Pengerusi ADTEC JTM Wilayah Borneo

Yang berusaha

Pengarah-pengarah bahagian di Jabatan Tenaga Manusia

Pengarah-pengarah ADTEC JTM Wilayah Borneo

Pengarah Syarikat WSL Technology Sdn Bhd

Pengarah Akademi Binaan Malaysia (ABM) Sabah

Pengarah-pengarah

Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia di Wilayah Persekutuan Labuan

Wakil Agensi-agensi Kerajaan dan Swasta, peserta seminar serta komuniti setempat

Rakan media,

Dan seterusnya warga kerja dan pelajar ADTEC JTM Kampus Labuan
Yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam Malaysia
Madani.

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ADTEC JTM Kampus Labuan atas jemputan untuk bersama-sama memeriahkan Program Karnival TVET ADTEC JTM Kampus Labuan Tahun 2025 pada pagi ini. Terima kasih juga kepada semua pegawai dan para tetamu yang sudi meluangkan masa untuk hadir.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Saya amat berbesar hati melihat kerjasama erat yang terjalin antara jabatan serta agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam usaha memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Semoga inisiatif ini memberikan impak besar, khususnya kepada industri dan komuniti tempatan.

Hadirin Yang Saya Hormati,

3. Karnival TVET ADTEC JTM Kampus Labuan tahun 2025 dianjurkan sebagai salah satu inisiatif strategik dalam memperkukuh dan mempromosikan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada masyarakat umum, khususnya pelajar, ibu bapa, pendidik, dan komuniti setempat. Penganjuran karnival ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan TVET dalam membentuk masa depan kerjaya yang berdaya saing serta memenuhi permintaan industri yang semakin berkembang. Selain itu, ia juga memberi pendedahan kepada teknologi terkini, peluang

pendidikan lanjutan, dan pelbagai laluan kerjaya dalam sektor teknikal dan vokasional.

4. Penganjuran karnival ini dijangka bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dan institusi, tetapi turut mengukuhkan jaringan kerjasama antara ADTEC JTM Kampus Labuan dengan pihak industri, agensi kerajaan dan komuniti selaras dengan aspirasi negara dalam memperkasa bidang TVET sebagai pemacu pembangunan ekonomi negara.

Hadirin Yang Saya Hormati,

5. Kolaborasi antara JTM dan pihak industri bukanlah perkara baharu. Malah, ia merupakan agenda utama JTM untuk memastikan kursus yang ditawarkan sentiasa relevan, mengikuti arus perkembangan teknologi, serta berdaya saing.
6. Melalui pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) serta Memorandum Kerjasama (MoC) ini dijangka memberi pelbagai faedah kedua-dua belah pihak dari aspek sumber manusia, perkongsian teknologi, latihan industri pelajar (LI) dan latihan sangkut industri pengajar (LSI) serta memberi potensi tambah nilai dalam memacu kemahiran negara.
7. Kerjasama erat antara industri dan institusi TVET adalah penting bagi memastikan program yang dilaksanakan menepati kehendak sebenar industri. Ini penting bagi merapatkan jurang kompetensi antara graduan TVET dan keperluan industri semasa. Kepakaran industri di bidang Minyak & Gas terutama kerja-kerja refurbished, samada bidang Mekanikal, Elektrikal dan Sivil yang dimiliki oleh Syarikat WSL Technology Sdn. Bhd perlu dikongsikan kepada

tenaga pengajar dan pelajar, agar kita dapat melahirkan tenaga kerja mahir yang selari dengan keperluan industri moden.

8. Sebagai bukti sokongan terhadap pembangunan tenaga kerja tempatan, Syarikat WSL Technology Sdn. Bhd telah merekrut empat orang bekas pelajar institut ini untuk menyertai organisasi mereka. Malah, dua daripada mereka telah dihantar ke China untuk menjalani latihan lanjutan, sekali gus menunjukkan komitmen syarikat dalam membangunkan potensi tenaga kerja tempatan ke peringkat antarabangsa. Hasil kerjasama ini juga telah dirangka pelaksanaan kursus Profesional iaitu kursus IWCF Well Intervention Pressure Control Level 3 dijangka dilaksanakan di ADTEC JTM Kampus Labuan pada pertengahan Oktober 2025 yang dapat memanfaatkan pekerja sektor minyak & gas di rantau ini.

9. Manakala, Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sabah dengan kerjasama ADTEC JTM Kampus Labuan telah menganjurkan Kursus Kompetensi Perpaipan Retikulasi Air (PWR2) siri 1 yang telah dilaksanakan pada bulan Jun 2025 dan siri 2 pada bulan September 2025 di Bengkel Teknologi Paip Dan Sanitari ADTEC JTM Kampus Labuan. ADTEC JTM Kampus Labuan juga akan ditauliahkan sebagai pusat latihan di bawah CIDB melalui kerjasama ABM ini bagi menyediakan kursus - kursus kompetensi di bawah CIDB di Labuan.

10. Terdapat pelbagai bentuk kerjasama yang boleh diterokai antara industri dan institusi termasuk:
- Perkongsian teknologi dan kepakaran,
 - Penyelidikan dan pembangunan produk,
 - Pembangunan kursus baharu selaras dengan perubahan teknologi,
 - Dan juga penempatan mesin/peralatan industri di institusi.
11. Pada hari ini negara memerlukan lebih ramai individu mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional. Kajian pasaran menunjukkan individu berkemahiran teknikal dan vokasional tinggi mampu menyumbang kepada kecekapan serta daya saing kepada sesuatu industri dan seterusnya membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Oleh itu, statistik kebolehpasaran graduan ADTEC JTM Kampus Labuan telah mencapai 97% pada tahun 2025 berbanding tahun 2024, kebolehpasaran graduan hanya mencapai 92.4% sahaja. Ini menunjukkan pelajar lepasan kemahiran berupaya membantu meningkatkan produktiviti dan memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara.
12. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Syarikat WSL Technology Sdn. Bhd atas jalinan kerjasama Memorandum Persefahaman Kerjasama (MoU) dan kepada Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sabah atas jalinan Memorandum Perjanjian (MoA).

Sidang Hadirin yang Dihormati Sekalian,

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ADTEC JTM Kampus Labuan yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis pada hari ini. Komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak jelas membuktikan kesungguhan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dalam memperkukuh kolaborasi seumpama ini, demi kemajuan bidang TVET dan pembangunan negara secara keseluruhan.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Perasmian Program Karnival TVET ADTEC JTM Kampus Labuan Tahun 2025** pada hari ini.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Teks Ucapan Disediakan Oleh : ADTEC JTM Kampus Labuan